

Media Monitoring

Publication: **Kosmo – Sukan**

(Page: 61)

Circulation/Audience: **120,000**

Date: **30 November 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Tiupan angin halangan utama**

Tiupan angin halangan utama

BANGKOK – Angin kencang yang bertiup selaju 18 knot bakal menjadi halangan utama skuad layar negara dalam misi mencapai sasaran lima pingat emas pada temasya Sukan SEA XXIV di Korat bulan depan.

Sejak menjalani latihan di Ocean Marina Yatch Club, Pattaya City pada 19 November lalu, keadaan angin yang bertiup kencang itu jelas sekali tidak sesuai buat pelayar negara menjalani latihan, apatah lagi untuk mereka mempamerkan aksi terbaik dalam acara layar yang dijadualkan bermula 7 Disember depan.

Begitupun, pengurus pasukan, Abd. Malik Sulaiman memberitahu, keadaan cuaca kembali pulih sejak dua hari lalu dengan tiupan angin agak berkurangan.

“Tiupan angin sudah semakin pulih ke tahap sederhana iaitu sekitar 8-10 knot dan keadaan ini amat sesuai untuk pelayar negara menjalani latihan,” kata Abd. Malik semalam.

“Apa yang saya harapkan ialah cuaca baik seperti ini akan kekal sehingga hari pertandingan nanti. Bagaimanapun, kita tidak boleh terus mengharap seperti ini.

“Kita perlu bersedia dan mempersiapkan diri jika berlaku perubahan angin yang mendadak yang mana boleh menjejaskan peluang kita. Ba-



gaimanapun, saya yakin pelayar kita sudah bersedia dengan segala kemungkinan itu.”

Selain skuad negara, kelab rekreasi pelayaran di Pattaya itu juga menjadi pusat latihan bagi pasukan lain termasuk Filipina, Singapura dan tuan rumah, Thailand.

Malaysia yang mempertaruhkan ramai muka baru selain enam pelayar program elit termasuk juara *Optimist* Sukan Asia 2006, Rufina Tan, bakal menggalas misi negara dalam 24 acara pada temasya tersebut.

Menurut Abd. Malik, walaupun rata-rata mereka belum lagi pernah

memenangi sebarang pingat di pentas Sukan SEA, beliau bagaimanapun tetap yakin pelayar-pelayar berbakat ini mampu mencapai sasaran lima emas yang ditetapkan.

“Saya dapati banyak negara menghantar pelayar muda sebagai pendedahan bagi kejohanan lebih besar selepas ini. Kita juga tidak ketinggalan. Apapun, saya yakin peluang kita tetap cerah,” jelasnya.

“Bahkan, saya percaya temasya ini juga mampu menjadi medan ujian terbaik untuk pelayar-pelayar negara mempersiapkan diri bagi temasya Sukan Olimpik dan Sukan Asia 2010.”